

MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN SPM 2026

MPP 3

PRINSIP PERAKAUNAN

KERTAS 1

Satu jam lima belas minit
(1¼ jam)



Jawab semua soalan
(Kertas ini mengandungi 12 halaman bercetak)

- 1 Badan yang menggubal piawaian perakaunan di Malaysia ialah
- A MIA
 - B CIMA
 - C ACCA
 - D MASB
- 2 Mengapakah Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa ditubuhkan pada tahun 1973?
- A Mempromosikan profesion perakaunan.
 - B Mengawal ekonomi yang sedang berkembang pesat.
 - C Menggalakkan penggunaan piawaian asas dalam perakaunan.
 - D Memajukan profesion perakaunan melalui latihan dan peperiksaan.
- 3 Maklumat berikut merujuk kepada Leona Enterprise:
- Pemilik merekod ambilan barang niaga untuk kegunaan peribadi.
- Apakah andaian, prinsip atau batasan yang dipatuhi oleh perniagaan tersebut?
- A Prinsip kos
 - B Entiti berasingan
 - C Tempoh perakaunan
 - D Pengiktirafan hasil dan belanja
- 4 Sumber modal bagi Koperasi Keluarga Aslam ialah
- A Terbitan saham
 - B Tabungan pemilik
 - C Sumbangan pekongsi
 - D Fi masuk dan jualan saham
- 5 Manakah merupakan komponen dalam Akaun Perdagangan?
- A Hasil
 - B Belanja
 - C Kos Jualan
 - D Untung Kasar
- 6 Antara berikut, manakah dikelaskan sebagai Liabiliti Bukan Semasa?
- I Gadai janji dan pinjaman bercagar
 - II Overdraf bank dan faedah atas pinjaman
 - III Hutang dalam tempoh setahun perakaunan
 - IV Hutang melebihi setahun tempoh perakaunan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Perabot Juliet.

Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti Pemilik (RM)
(4 500)	(5 000)	500

Urus niaga manakah menunjukkan kesan terhadap persamaan perakaunan di atas?

- A Inventori RM4 500 dijual secara kredit RM5 000.
- B Sebuah rak pameran RM5 000 dijual secara kredit RM4 500.
- C Membayar cek RM4 500 kepada pembekal dan menerima diskaun RM500.
- D Menjual satu set meja makan berkos RM5 000 dengan harga RM4 500 secara tunai.

8 Manakah bukan pasangan Catatan Kontra dan akaun berkaitan?

	Catatan Kontra	Akaun Berkaitan
A	Ambilan	Modal
B	Pulangan masuk	Jualan
C	Susut nilai kenderaan	Kenderaan
D	Peruntukan hutang ragu	Akaun Belum Terima

9 Maklumat berikut merupakan ciri-ciri suatu dokumen.

- Dokumen dikeluarkan oleh pihak bank.
- Bertujuan memberitahu kepada pemilik akaun bahawa pihak bank telah mengurangkan akaun dengan jumlah tertentu.

Apakah dokumen tersebut?

- A Makluman Debit
- B Makluman Kredit
- C Resit Perbankan Dalam Talian
- D Slip Transaksi Perbankan Elektronik

10 Apakah catatan bergu dalam Jurnal Am untuk merekodkan diskaun dibatalkan akibat cek daripada Haifa yang dipulangkan dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar"?

	Debit	Kredit
A	Akaun Diskaun diberi	Akaun Haifa
B	Akaun Haifa	Akaun Diskaun diberi
C	Akaun Diskaun diterima	Akaun Haifa
D	Akaun Haifa	Akaun Diskaun diterima

11 Antara berikut, urus niaga manakah akan direkodkan ke dalam Jurnal Khas?

- I Pelanggan memulangkan barang niaga yang rosak.
- II Ambil barang niaga untuk kegunaan perniagaan.
- III Jual barang niaga secara kredit.
- IV Beli barang niaga dengan cek.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

12 Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada Pasaraya Suria.

BUKU TUNAI

Tarikh	Butir	Disk RM	Tunai RM	Bank RM	Tarikh	Butir	Disk RM	Tunai RM	Bank RM
					2026				
					Mac 4	Anip Bhd.		5 000	

Dokumen manakah digunakan sebagai sumber catatan bagi urus niaga tersebut?

- A Slip daftar tunai
- B Keratan cek
- C Bil tunai
- D Resit

13 Manakah antara akaun berikut merupakan akaun nominal?

- I Akaun Promosi
- II Akaun Alat tulis
- III Akaun Belum Bayar
- IV Akaun Insurans Prabayar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 14 Pada 6 Mei 2026, KS Mini Market telah mengambil barang niaga RM250 untuk didermakan kepada Rumah Kasih Ihsan.

Apakah catatan bergu bagi urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Rumah Kasih Ihsan	Derma
B	Ambilan	Belian
C	Ambilan	Rumah Kasih Ihsan
D	Derma	Belian

- 15 Butiran yang terdapat dalam Akaun Kawalan Belum Terima ialah

- I Hutang ragu
- II Pulangan masuk
- III Diskaun diterima
- IV Diskaun diberi dibatalkan

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

- 16 Berikut merupakan petikan Imbangan Duga Perniagaan Harmoni:

Perniagaan Harmoni		
Imbangan Duga pada 30 September 2025 (petikan)		
	Debit RM	Kredit RM
Jualan		17 890
X	4 600	
Y		670

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Iklan	Akaun Belum Bayar
B	Modal	Peruntukan hutang ragu
C	Belian	Pulangan jualan
D	Akaun Belum Terima	Ambilan

- 17 Maklumat di bawah diperolehi daripada buku perakaunan Syarikat Zain bagi tahun berakhir 31 Mac 2026.

	RM
Jualan	42 350
Belian	28 670
Pulangan masuk	1 490
Pulangan keluar	1 180
Angkutan keluar	1 230
Angkutan masuk	540

Berapakah jualan bersih dan kos belian?

	Jualan Bersih	Kos Belian
A	RM40 860	RM27 720
B	RM40 860	RM28 030
C	RM41 170	RM28 030
D	RM41 170	RM27 720

- 18 Apakah yang menambahkan modal perniagaan?
- A Rugi kasar
 - B Rugi bersih
 - C Untung kasar
 - D Untung bersih
- 19 Semasa proses catatan penutupan, komponen jualan bersih akan dipindahkan ke dalam
- A Imbangan Duga
 - B Akaun Untung Rugi
 - C Akaun Perdagangan
 - D Penyata Kedudukan Kewangan
- 20 Antara berikut, manakah merupakan liabiliti perniagaan?
- A Simpanan tetap
 - B Insurans prabayar
 - C Deposit sewa diterima
 - D Deposit kadar bayaran



- 21 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Perabot Zam pada 31 Mac 2026.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	8 000	
Hutang lapuk	300	
Peruntukan hutang ragu		200

Pada 31 Mac 2026, peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 5% atas Akaun Belum Terima.

Hitung jumlah peruntukan hutang ragu yang direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

- A RM200
 - B RM385
 - C RM390
 - D RM400
- 22 Cassandra Berhad telah membeli sebuah mesin berharga RM85 000. Penggunaan mesin tersebut dijangka selama 10 tahun. Pada akhir tempoh perakaunan, nilai skrap mesin tersebut dianggarkan sebanyak RM10 500.

Berapakah susut nilai tahunan mesin tersebut?

- A RM8 500
 - B RM7 450
 - C RM9 550
 - D RM10 500
- 23 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Biskut Rangup Enterprise.

Pada 1 Januari 2025, perniagaan telah membeli sebuah kenderaan RM60 000. Kenderaan tersebut disusutnilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah atas kos. Pada 1 Julai 2026, kenderaan tersebut telah dijual dengan harga RM45 000.

Hitung untung atau rugi atas pelupusan kenderaan.

- A Untung atas pelupusan RM9 000
- B Untung atas pelupusan RM3 000
- D Rugi atas pelupusan RM9 000
- C Rugi atas pelupusan RM3 000

- 24 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku perniagaan Kedai Alat Tulis Bibi.

Belian RM5 400 daripada Hana tersalah rekod ke dalam Akaun Hanan.

Apakah jenis kesilapan yang berlaku?

- A Kesilapan komisen
 - B Kesilapan songsang
 - C Kesilapan ketinggalan
 - D Kesilapan saling mengimbangi
- 25 Nyatakan kesan ke atas Akaun Perdagangan dan Untung Rugi selepas pembetulan kesilapan berikut dibuat.

Pulangan jualan dan pulangan belian masing-masing terlebih rekod RM190.

- A Untung kasar berkurang.
 - B Untung kasar bertambah.
 - C Untung bersih bertambah.
 - D Untung bersih tiada kesan.
- 26 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan MAS Enterprise.

	RM
Insurans prabayar	350
Overdraf bank	2 820
Akaun Belum Terima	4 100
Inventori akhir	2 680
Sewa belum terima	860

Berapakah Nisbah Ujian Asid Mas Enterprise?

- A 2.83:1
 - B 1.94:1
 - C 1.88:1
 - D 0.93:1
- 27 Rumus berikut digunakan oleh perniagaan yang mengamalkan rekod tak lengkap.

$Z = \text{Jumlah aset akhir} - \text{Jumlah liabiliti akhir}$

Apakah Z?

- A Modal awal
- B Modal akhir
- C Modal kerja
- D Modal tambahan

- 28 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Muhammad yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu.

	1 Januari 2025 RM	31 Disember 2025 RM
Sewa belum bayar	600	-
Sewa prabayar	-	1 200

Maklumat tambahan:

Sewa yang telah dibayar sepanjang tahun kewangan ialah RM9 000.

Hitung jumlah sewa yang akan dicatatkan dalam Akaun Untung Rugi.

- A RM7 200
B RM8 400
C RM9 600
D RM10 800
- 29 Petikan Buku Tunai dan Penyata Bank berikut diambil daripada Megah Jaya Enterprise bagi bulan Mei 2026.

Buku Tunai (Ruangan bank)						
Tarikh	Butiran	RM	Tarikh	Butiran	No. Cek	RM
			2026			
			Mei 3	Belian	200113	1 447

Penyata Bank					
Tarikh	Butiran	No. Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
2026 Mei 6	Cek	200113	1 477		

Berapakah amaun yang direkod ke dalam Buku Tunai kemaskini?

- A Debit RM30
B Kredit RM30
C Debit RM1 447
D Kredit RM1 477
- 30 Apakah yang menyebabkan Belanjawan Tunai mengalami kurangan tunai?
- A Perniagaan mengalami kerugian.
B Perniagaan tidak mampu menjelaskan hutang.
C Berlaku penyelewengan dalam pengurusan tunai.
D Jumlah pembayaran melebihi jumlah penerimaan.

- 31 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Aiy dan Reen pada 31 Mac 2026.

	RM
Untung bersih	47 250
Faedah atas modal	5 000
Faedah atas ambilan	900

Berapakah kongsi untung setiap pekongsi Aiy dan Reen jika untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah 3:2?

	Aiy	Reen
A	RM17 260	RM25 890
B	RM21 575	RM21 575
C	RM25 890	RM17 260
D	RM28 350	RM18 900

- 32 Apakah faktor yang menyebabkan berlaku kurangan dalam Akaun Modal pekongsi?

- A Sumbangan modal pekongsi terlalu tinggi.
- B Untung realisasi yang diperolehi terlalu tinggi.
- C Nilai aset yang diambil oleh pekongsi rendah.
- D Ambilan yang dibuat oleh pekongsi terlalu banyak.

- 33 Antara berikut, manakah sebab pembubaran perkongsian?

- A Pekongsi membawa masuk modal tambahan.
- B Pekongsi melabur modal dalam perniagaan lain.
- C Pertukaran entiti perniagaan kepada syarikat berhad.
- D Salah seorang pekongsi mendapat kerugian daripada perkongsian.

- 34 Pernyataan manakah menerangkan ciri syer biasa?

- A Boleh menerima dividen tertunggak.
- B Kadar dividen bergantung kepada keuntungan syarikat.
- C Tuntutan ke atas aset didahulukan jika berlaku pembubaran.
- D Pemegang syer tidak berhak mengundi dalam mesyuarat agung.

- 35 Berikut adalah maklumat Syarikat Restu Berhad pada 31 Disember 2025.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh: 200 000 unit 8% Syer Keutamaan RM400 000 400 000 unit Syer Biasa RM400 000

Lembaga pengarah telah mengisytiharkan dividen akhir Syer Biasa 10%.
Hitung jumlah Dividen Akhir Syer Biasa.

- A RM32 000
- B RM40 000
- C RM72 000
- D RM80 000

- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Sukan Renang TER pada 30 Jun 2026.

	RM
Baki awal	1 500
Yuran Ahli	300
Bayaran masuk	4 000
Kadar bayaran	150
Upah cuci kolam	200
Baki akhir	M

Hitungkan nilai M

- A RM1 450
B RM5 450
C RM5 850
D RM6 150
- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Badminton Smash di Kuala Terengganu.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

	RM
Yuran Ahli	2 000

Maklumat tambahan:

	1 Januari 2025	31 Disember 2025
	RM	RM
Yuran belum terima	150	250
Yuran belum terperoleh	-	180

Berapakah jumlah yuran yang direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025?

- A RM1 920
B RM2 000
C RM2 070
D RM2 080
- 38 Antara berikut, manakah merupakan butiran Kos Overhed?
- A Gaji pekerja kilang
B Loji dan alatan kilang
C Susut nilai alatan kecil
D Sewa bangunan pejabat

- 39 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kilang Autotech, sebuah kilang yang mengeluarkan tangki air di Chendering, Kuala Terengganu.

	RM
Inventori bahan langsung pada 1 Julai 2024	208 650
Inventori bahan langsung pada 30 Jun 2025	186 430
Belian bahan langsung	545 800
Pulangan belian bahan langsung	19 740

Berapakah kos bahan langsung yang direkodkan dalam Akaun Pengeluaran?

- A RM503 840
 - B RM526 060
 - C RM548 280
 - D RM587 760
- 40 Tujuan utama analisis Titik Pulang Modal adalah untuk
- A menentukan jumlah keuntungan bersih.
 - B mengira jumlah kos pengeluaran sebenar.
 - C menilai keupayaan sesebuah perniagaan membayar hutang.
 - D merancang tahap pengeluaran agar tidak mengalami kerugian.

KERTAS SOALAN TAMAT

